

PULAU PINANG, 10 NOV. (BERNAMA) — MALAYSIA AKAN MEMBANTU THAILAND SEKIRANYA KEADAAN DI NEGARA TERSEBUT MENGANCAM KESELAMATAN NEGARA INI KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMED DI SINI HARI INI.

WALAU PUN ASEAN BUKAN SATU PAKATAN TENTERA, IA BOLEH SALING BANTU-MEMBANTU UNTUK MENJAMIN KESELAMATAN RAKYATNYA, KATA BELIAU.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MEMBERITAHU PARA PEMBERITA DEMIKIAN SELEPAS BERUCAP MERASMIKAN KURSUS SEHARI UNTUK 169 ORANG KETUA PENERANGAN UMNO DARI SELURUH PULAU PINANG DI SINI.

KETIKA DIMINTA MENGULAS TENTANG PERKEMBANGAN DI INDO-CHINA, BELIAU MENGULANGI BAHAWA ASEAN BUKAN SATU PAKATAN TENTERA TETAPI NEGARA-NEGARA ANGGOTANYA, TERUTAMA MALAYSIA, NEGERI THAI DAN INDO-NEZIA MEMPUNYAI +PERSEFAHAMAN+ DARI SEGI KENTENTERAAN.

+JIKA KEADAAN DI NEGERI THAI MEMBIMBANGKAN KESELAMATAN DALAM NEGARA INI, KITA AKAN TOLONG MEREKA+, UJARNYA. —BERSAMBUNG 1356/BY

B528

MAHATHIR-PAKATAN 2 PULAU PINANG

MENGENAI KENAIKAN HARGA RUMAH, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN TIDAK BERHASRAT UNTUK MENGAWAL HARGA RUMAH KERANA PERKARA ITU RUMIT.

+KERAJAAN HANYA DAPAT MENGAWAL HARGA BAHAN-BAHAN SEPERTI BESI DAN SIMEN+, KATANYA.

HARGA-HARGA RUMAH DITENTUKAN OLEH PASARAN DAN DALAM KEADAAN SEKARANG PERMINTAAN TELAH MELEBIHI KEUPAYAAN MEMBINA MENYEBABKAN HARGA MELAMBUNG, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MASALAH ITU BOLEH DIATASI DENGAN MEMBINA LEBIH BANYAK RUMAH DAN DALAM HAL INI PIHAK SWASTA JUGA PERLU MEMAINKAN PERANAN MEMBINA LEBIH BANYAK RUMAH KOS RENDAH.

BAGAIMANAPUN, KEKURANGAN TANAH JUGA MENYEBABKAN HARGA-HARGA RUMAH TINGGI, KATANYA.

MENURUTNYA, SATU LAGI MASALAH BESAR DALAM HAL INI IALAH KEENGGANAN ORANG RAMAI TINGGAL DALAM RUMAH-RUMAH BERTINGKAT SEPERTI RUMAH PANGSA. —BERSAMBUNG 1305/BY

B529

**MAHATHIR-PAKATAN 3 PULAU PINANG**

BELIAU BERHARAP ORANGRAMAI AKAN MULA MENGUBAH SIKAP DAN SANGGUP TINGGAL DALAM RUMAH-RUMAH SEPERTI ITU.

MENYENTUH TENTANG PERMINTAAN KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI UNTUK MENDAPATKAN BANTUAN KEWANGAN YANG LEBIH DARI KERAJAAN PUSAT, TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA BANTUAN DITENTUKAN OLEH MAJLIS KEWANGAN NEGARA.

KATANYA, SETIAP NEGERI MENGANGGAP MASING-MASING TIDAK MENERIMA BANTUAN SECUKUPNYA DARI KERAJAAN PUSAT.

+KERAJAAN PUSAT TERPAKSA PERLAHU ADIL DAN MENGADAKAN PERUNTUKAN SEIMBANG ANTARA NEGERI-NEGERI YANG MAJU DAN KURANG MAJU+, JELASNYA.

UMPAMANYA, KEDAH MEMBELANJAKAN \$70 JUTA SETIAP TAHUN UNTUK TUJUAN PENGURUSAN SEDANGKAN HASILNYA CUMA \$20 JUTA SEDANGKAN SABAH, YANG BANYAK HASIL ASLI DAN DISIFATKAN SEBAGAI NEGERI TERKAYA, JUGA MENGANGGAP IANYA TIDAK MENDAPAT BANTUAN YANG CUKUP DARI KERAJAAN PUSAT KATA BELIAU. --PERSAMPUNG 1316/BY

**MAHATHIR-PAKATAN 4 PULAU PINANG**

MENGENAI KENAIKAN GAJI KAKITANGAN KERAJAAN, TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN SENTIASA MENGAJAI KEDUDUKAN SEBENAR.

KATANYA, PADA MASA INI BELIAU TIDAK DAPAT MENERANGKAN BILA GAJI KAKITANGAN KERAJAAN AKAN DIKAJI SEMULA.

SELAIN DARI ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MEMBERITAHU BAHAWA KERAJAAN PUSAT TELAH MEMBENARKAN PENERBANGAN-PENERBANGAN SEWA KHAS MEMBAWA PELANCONG DARI EROPAH KE PULAU PINANG.

BELIAU TELAH PUN MENEMUI PIHAK-PIHAK TERTENTU DARI BRITAIN, JERMAN DAN LAIN-LAIN NEGARA BARAT YANG BERHASRAT UNTUK MELANCONG KE SINI TETAPI KEDATANGAN MEREKA KE SINI MENGAMBIL MASA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERHARAP PERSATUAN-PERSATUAN YANG ADA KAITAN DENGAN PELANCONGAN SUPAYA MENJALANKAN USAHA-USAHA PENGGALAKAN UNTUK MEMBAWA MEREKA KE SINI. -- BERNAMA 1340/1B